

## KHUTBAH PERTAMA

السلام عليكم

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ  
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ

بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ... أَمَّا بَعْدُ... فَيَا عِبَادَ اللَّهِ

اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ !

Wahai hamba-hamba Allah sekalian! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya zahir dan batin.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian.

Sempena bermulanya Semester ke 2, Sesi Akademik 2016/2017, maka mimbar Jumaat ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan “Selamat Kembali Ke Kampus” kepada semua mahasiswa UMP. Ikhlasikan niat dan kuatkanlah azam untuk menuntut ilmu di menara gading ini. Insya Allah, usaha kita akan diberkati Allah.

Semalam, 16 Februari 2017, genap 15 tahun penubuhan UMP. Pelbagai suka duka dan pahit manis telah dilalui oleh warga-warganya sepanjang tempoh ini. Bermula dengan hanya 303 mahasiswa pada tahun 2002, jumlah tersebut telah meningkat kepada 10,404 orang pada tahun lepas. Sehingga kini, UMP telah melahirkan seramai 16,812 graduan di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Bermula dengan kampus KUKTEM yang beroperasi secara kecil-kecilan di Indera Mahkota, yang serba kekurangan, akhirnya berjaya menduduki senarai ke-58

terbaik di dunia dalam penarafan UI-Greenmetric World University Ranking. Ini adalah berdasarkan usaha UMP dari aspek kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar. Justeru, marilah kita semua memanjatkan rasa syukur kepada Allah atas kurniaanNya kepada kita dengan cara menunaikan segala amanah dan tanggungjawab yang dipikulkan atas bahu kita. Mudah-mudahan dengan sifat syukur dan berterima kasih ini, Allah akan tambahkan lagi kejayaan-kejayaan luar dugaan kita. firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأْتِيَنَّكُمْ رِيبٌ مِنْ آلِهَتِكُمْ فَخَبِّرُوا كَلِمَةَ اللَّهِ تَوَقُّعًا وَبُحْرَانًا (٧)

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.

Sambutan ke 15 penubuhan UMP semalam turut diserikan dengan Amanat Tahunan Naib Canselor yang bertajuk “*Memasyarakatkan Teknologi: Agenda Ketrampilan UMP*”. Maka khutbah pada hari ini akan cuba untuk mengulas Amanat tersebut, mudah-mudahan dengan kupasan ini, kita akan dapat menghayati dan menjiwaainya, serta merealisasikan.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian.

Sebagai sebuah university teknikal yang sudah mula menjulang nama, maka ketrampilan UMP bukan sahaja perlu dilihat dari gah berdirinya bangunan kampus, bahkan perlu diterjemahkan oleh setiap warga UMP itu melalui kualiti dan nilai keperibadian itu sendiri. Sebagai mana yang dikupas oleh NC semalam, ketrampilan secara literalnya merujuk kepada perihal kecekapan dan kemampuan yang tinggi khususnya dalam pelaksanaan sesuatu tindakan atau penyelesaian sesuatu masalah.

“Memasyarakatkan Teknologi” ialah satu tag line yang merujuk kepada kesediaan warga UMP untuk turun padang bagi menyediakan satu bentuk solusi kepada permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dengan menggunakan teknologi berasaskan saintifik, teknikal atau inovasi.

Sidang jumaat yang dihormati sekalian,

Berteraskan kepada “Agenda Keterampilan UMP” sudah semestinya melahirkan rasa bangga kepada kita yang merupakan sebahagian dari warganya. Dengan melihat kepada pencapaian, pengiktirafan dan kejayaan yang memberangsangkan menjadi satu penanda aras UMP sedang melalui kemuncak kegemilangannya umpama gemilangnya kerajaan Turki Usmaniah 1428 yang pernah suatu ketika menaungi dunia berabad lamanya. Begitu juga Kerajaan Islam Sepanyol pernah memimpin Eropah pada satu ketika. Kerajaan-kerajaan ini masyhur dengan kegemilangan pentadbirannya, kecanggihan teknologi dan sebagainya yang akhirnya runtuh dan kekal terpahat dalam lipatan sejarah hitam umat Islam setelah sekian lama membina kejayaan.

Kegemilangan bukanlah sekadar untuk dibanggakan tetapi untuk diinsafi dan disyukuri. Dengan melahirkan rasa rendah diri dan kesyukuran ini juga tidak akan menjejaskan imej kita bahkan meningkatkan prestasi dengan lebih baik demi kemaslahatan umat sejagat serta melahirkan hormat di antara satu sama lain. Kejayaan demi kejayaan yang kita peroleh haruslah dikekalkan seiring rasa rendah hati kerana rahsia sesebuah kejayaan terletak pada usaha kita yang istiqamah dalam memastikan prestasi sentiasa baik dan meningkat.

Nabi s.a.w bersabda dengan maksudnya :

Barang siapa yang sama dua harinya maka ia adalah orang yang rugi, dan barang siapa yang semalamnya lebih baik dari hari ini maka ia adalah orang yang ternafi dari kebaikan, dan barang siapa yang tiada peningkatan maka ia akan sentiasa berkurang, maka barang siapa sentiasa berkurang maka perut bumi lebih baik baginya daripada permukaannya (lebih baik mati sahaja).

Sidang Jumaat sekalian,

Firman Allah swt dalam surah al-taubah ayat 122:

﴿ وَمَا كَانُ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾  
﴿١٢٢﴾

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap

puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Sebagaimana yang telah dimaklumkan, UMP sekarang sedang beralih ke fasa baru iaitu fasa '**Memasyarakatkan Teknologi**'. Justeru, sebagai salah seorang warga UMP, kita perlu menggembeleng setiap tenaga dan masa yang kita miliki untuk membantu universiti mencapai tujuan tersebut.

Sebagai seorang Muslim, seharusnya kita sedar bahawa kegemilangan yang hendak kita capai di dunia ini sebenarnya boleh membawa kita mencapai kegemilangan di hari akhirat. Namun, kejayaan dan kegemilangan ini tidak mungkin bererti jika ianya sekadar berlegar dalam kalangan kita semata-mata. Justeru amanat Dato Naib Canselor ini merupakan satu usaha berterusan untuk kita turun kepada masyarakat agar kepakaran dan kejayaan kita dalam segenap bidang dapat dikongsi bersama. Sesungguhnya usaha murni ini merupakan satu tuntutan fardhu kifayah demi memperkasa dan menjana pembangunan kepada masyarakat.

Antara intipati-intipati penting yang perlu kita garapkan demi kesejahteraan masyarakat perlulah mencakupi kretria-kretria yang ditetapkan supaya agenda memasyarakatkan teknologi bukan sekadar terlaksana malah memenuhi keperluan masyarakat itu sendiri. Demi merealisasikan harapan tersebut, maka para penyelidik haruslah menzahirkan penyelidikan yang menjangkau keperluan masa hadapan yang belum luas diketahui. Penyelidikan yang berteraskan penemuan-penemuan terkini sememangnya bakal memperlihatkan kemampuan dan kelainan berbanding sekadar memperbaharui inovasi sedia ada. Usaha ini sememangnya memerlukan kerja keras dari penyelidik dalam kerangka memastikan kemajuan teknologi bersesuaian dengan keperluan komuniti dan masa hadapan. Sesungguhnya Rasulullah saw sendiri dalam hadisnya menyebut "Aku menyukai seseorang yang melakukan sesuatu dengan tekun".

Selain itu, peranan mahasiswa turut tidak boleh dikesampingkan kerana mahasiswa merupakan tunggak utama yang sewajarnya mengimarahkan teknologi dalam masyarakat. Aktiviti kesukarelaan misalnya perlulah diperluas dengan menerapkan elemen kerohanian dan pemindahan kemahiran dan teknologi dengan kepakaran yang diperolehi. Mahasiswa dilihat sebagai duta university demi mengimarahkan masyarakat yang berilmu dan dedikasi.

Rasulullah SAW juga turut menyebut dengan sabdanya:

“Dari Abu Hurairah, sesungguhnya Rasulullah Saw bersabda : “Apabila mati anak Adam, maka terputuslah amalannya kecuali 3 perkara : sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya.”

Sesungguhnya setiap usaha yang kita laksanakan insyaAllah akan dikira sebagai bekalan amal kebajikan yang menjadi saksi dihadapan Allah atas segala sumbangan yang kita telah lakukan apatah lagi ianya digunakan berterusan oleh masyarakat awam. Firman Allah swt dalam Surah al-Zalzalah ayat 7-8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!

Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!

Mudah-mudahan dengan cara ini, kita bukan sahaja akan dapat mencapai kegemilangan di dunia ini, malah kita juga akan mendapat habuan besar di akhirat berupa kebebasan dari api neraka dan dimasukkan ke dalam syurga.

Fakta ini dapat kita lihat melalui firman Allah SWT dalam surah As-Saff ayat 10-12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَارَةٍ تُنْجِيكُمْ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ۚ  
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ  
لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ۚ  
يَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلُكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً  
فِي جَنَّاتٍ عَدْنٍ ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ۚ

*“Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan kepada kamu suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?*

*laitu, kamu beriman kepada Allah dan rasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*

*(Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam Syurga “Adnin”. Itulah kejayaan yang besar.”*

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Berdasarkan kepada ayat di atas, Allah SWT telah menetapkan DUA syarat untuk kita mendapat keuntungan atas setiap urusaniaga and pekerjaan yang kita lakukan di dunia ini. Yang pertama ialah beriman kepada Allah Taala. Syarat pertama ini sepatutnya telah menjadi darah dan daging setiap warga UMP yang Muslim kerana ianya selari dengan Nilai Teras Pertama UMP iaitu Hubungan Yang Kuat Dengan Maha Pencipta. Segala gerak kerja kita perlulah diniatkan hanya kerana Allah Taala. Manakala syarat yang kedua ialah berusaha sedaya upaya dengan menggunakan apa yang kita miliki dari harta benda dan diri kita sendiri. Usaha yang dilakukan ini perlulah mempunyai matlamat yang jelas. Maka atas sebab itu, kita perlu merangka pelan tindakan dan menyusun strategi.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,  
Selaras dengan tema “memasyarakatkan teknologi, agenda keterampilan UMP”, iktikad dan keyakinan kita tetap utuh bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang menentukan segalanya. Tidak ada suatu yang dapat bergerak melainkan dengan izinNya. Apa yang akan berlaku kepada kita dan UMP dalam jangka 2017-2020 telah pun ada dalam Ilmu Allah SWT. Namun, ilmu tersebut tidak ada pada kita semua. Maka Allah SWT menyuruh agar kita berusaha untuk mencapai sesuatu dan apa yang terhasil itu sebenarnya adalah takdir yang telah lama Allah tentukan untuk kita. Firman Allah dalam al-Qur’an, Surah ar-Ra’d, ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

*“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”*

Permuafakatan, azam dan usaha kolektif itulah perlu terlebih dahulu diletakkan sebelum ditawakkalkan, sepertimana firman Allah Ta’ala dalam al-Qur’an, Surah Ali Imran, ayat 159:

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

*“Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”*

Sidang Jumaat sekalian,

Bersempena Pendaftaran semester 2 ini juga, Marilah kita menyentuh satu isu yang kini berlegar dalam pemikiran komuniti setempat. Seringkali ketika membahaskan isu mahasiswa dan universiti, kita terlupa mengenai masyarakat. Di manakah anak-anak yang tidak berjaya masuk ke universiti? Anak-anak yang tidak memasuki universiti ini, meneruskan kehidupan mereka seperti biasa. Mereka menghabiskan usia mereka di pusat latihan industri, institut latihan kemahiran serta menjadi pekerja bengkel. Sebahagiannya menjadi nelayan, petani, bekerja di kedai orang, usahawan dan berniaga sendiri. Sebahagiannya

lagi menjadi pemandu lori, bekerja dengan majlis bandaran menjadi pembersih kawasan, pemotong rumput.

Mereka ini tidak perlukan mahasiswa untuk menguruskan wang mereka di dalam bank. Mereka tidak perlukan pensyarah dengan segala pangkat di hadapan nama untuk membantu mereka membeli barang keperluan harian. Mereka tidak perlukan universiti untuk membantu keluarga mereka cukup makan dan minum saban hari.

Ada kerangka yang lebih besar perlu difikirkan dengan serius oleh warga universiti tempatan dari kerja mengejar rekod prestasi tahunan.

Di luar, ketika Facebook sibuk membeli aplikasi Whatsapp dan Microsoft membeli Nokia, Google pula sibuk mengupayakan aplikasi Chrome kepada Chromebook. Ahli geografi sosial Universiti Oxford, Dr Jane Dyson telah mempolakan perubahan sosial yang berlaku di lembah Indian Himalayas di dalam sebuah filem 15 minit memperincikan harapan dan kekesalan penduduk Uttarakhand. Xavier Dumusque dari Harvard-Smithsonian Center for Astrophysics (CfA) pula mendedahkan penemuan sebuah planet dengan 17 kali saiz bumi, dinamakan Kepler-10c, ditemui setelah data dianalisis pada 3 Jun yang lalu.

Dunia sedang bergerak pantas. Wawasan 2020 hanya kurang 6 tahun untuk dicapai. Saya fikir jelas, kita sudah pasti tidak mahukan Wawasan 2020 disambut tatkala kita memandu Toyota, memakai gajet Sony Xperia, memasang penghawa dingin Mitsubishi di rumah, membasuh baju dengan mesin basuh Panasonic dan menonton Buletin Utama TV3 dengan set televisyen lengkung Samsung. Atau masih mengharapkan Rusia untuk menghantar satelit kita ke angkasa. Semestinya kita impikan jenama kebanggaan.

Mahasiswa dan universitilah yang perlukan masyarakat. Mahasiswa perlukan masyarakat kerana masyarakat ialah jujuk sosial yang perlu ada agar mereka boleh berkhidmat. Universiti perlukan masyarakat kerana masyarakat akan menyumbang kepada pembangunan sosial dan membuktikan segala macam teori yang berada di dalam laporan makmal, jurnal dan tesis itu boleh dilaksanakan di dalam dunia yang nyata ini.



Rasulullah bersabda :

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمُ لِلنَّاسِ ( رواه الطبراني )

**Maksudnya:** "Sebaik-baik manusia ialah orang-orang yang bermanfaat kepada orang lain. "

(Riwayat Al-Tabarani)

Dengan strategi dan inisiatif yang diatur gerak itulah pula kelak kita akhirnya bertawakkal kepada Allah Ta'ala kerana soal mengenai baik buruk hasilnya adalah ditentukan oleh-Nya. Apa yang penting, strategi, inisiatif dan persekitaran yang tepat telah diusahakan.

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا  
لِيُغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَاطًا  
مُسْتَقِيمًا  
وَيَنْصُرَكَ اللَّهُ نَصْرًا عَزِيزًا

*"Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata, Kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya). Dan dengan sebabnya Allah memberikanmu pertolongan (untuk mencapai kejayaan) dengan sepenuh-penuh dan sehandal-handal pertolongan (yang tidak ada bandingannya)."*  
(Al Fath, ayat 1-3)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ